

MANHAJ AL-QURAN MENGENAI DAKWAH TERHADAP REMAJA: SATU KAJIAN BIBLIOMATRIK

Basirah binti Abu Bakar⁷
Mohd Yakub@Zulkifli bin Mohd.Yusoff⁸
Muhamad Alihanafiah bin Norasid⁹
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

ABSTRAK

Kebanyakan kes jenayah mutakhir ini menyaksikan penglibatan remaja secara jelas melakukan jenayah seperti membunuh, merogol, seks bebas, dan lain-lain. Ternyata kes-kes juvana sebegini berlaku akibat lunturnya penghayatan agama dalam jiwa mereka serta jauhnya mereka daripada pedoman Al-Quran. Statistik menunjukkan bahawa majoriti penghuni di Pusat Perlindungan Akhlak terdiri daripada Melayu Islam. Malah, 90% daripadanya adalah remaja yang mengulangi kesalahan yang sama. Hasil kajian menunjukkan 68% penghuni di Pusat Perlindungan Akhlak tidak tahu membaca al-Quran dan 15% pula tidak diajarkan tentang solat serta aspek penerapan nilai-nilai Islam kurang dititikberatkan. Lantaran itu, remaja tersebut tidak berasa insaf dan ingin mengulangi kesalahan yang telah dilakukan. Perkara ini memberikan impak yang negatif kepada diri, keluarga, masyarakat, dan negara. Makalah ini memfokuskan kepada kajian bibliomatik dengan menyorot kajian-kajian lepas mengenai dakwah terhadap remaja. Hal ini bagi mengidentifikasi ruang-ruang kajian yang perlu diteroka, seterusnya kajian ini berupaya menyediakan satu manhaj holistik dalam mendekati remaja agar ditarbiah dengan acuan al-Quran. Metodologi kajian yang diguna pakai ialah metode historis, metode komparatif, dan metode observasi. Hasil penelitian awal mendapatkan bahawa kajian manhaj al-Quran mengenai dakwah terhadap remaja masih belum diperhalusi secara terperinci oleh mana-mana penyelidik.

Kata Kunci: Manhaj Al-Quran, Remaja, Kajian Bibliomatrik

MANHAJ AL-QURAN ABOUT DAKWAH ON THE TEENAGERS : ONE BIBLIOMATIC STUDY

ABSTRACT

Most recent criminal cases have seen youth engagements explicitly commit crimes such as murder, raping, free sex, and others. It turns out that these juvenile

⁷ Calon Ph.D, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

⁸ Pengarah (Prof. Dr.), Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

⁹ Pensyarah Kanan (Dr.), Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

cases were due to the decline of religious appreciation in their souls and their distance from the Quranic guidelines. Statistics show that the majority of residents in the Center for Charter Protection consist of Malay Muslims. In fact, 90% of them are teenagers who repeat the same mistakes. The findings show that 68% of residents in the Center for Moral Protection do not know the reading of the Quran and 15% are not taught about the prayers as well as aspects of applying the values of Islam are less concerned. Therefore, the teenager did not feel sorry and wanted to repeat the mistake. This has a negative impact on yourself, your family, your community, and your country. This paper focuses on bibliomatic studies by highlighting previous studies on da'wah on adolescents. This is to identify the study spaces that need to be explored, so this study seeks to provide a holistic manhaj in approaching the adolescent to be dealt with by the Qur'anic reference. The methodology used in the study was historical, comparative methods, and observation methods. The findings of earlier studies found that the study of the Quran on the preaching of adolescents has not been thoroughly elaborated by any researcher.

Keywords: *Manhaj Al Quran, Adolescence, Bibliometrics Review*

PENDAHULUAN

Di antara tujuan pendidikan al-Quran adalah untuk meningkatkan dan menyucikan diri manusia serta memperindah keperibadiannya sehingga dapat menjalin hubungan yang baik dengan Allah dan orang lain. Bahkan dengan dirinya sendiri dalam meniti tangga-tangga penghambaan diri. Setiap kali ia berhasil menaiki tangga ubudiyyah, setiap kali itu pula keindahan dan kesucian dirinya meningkat¹⁰.

Dalam Ilmu Pengubatan Jiwa (Psikoterapi) membuat kajian dalam bidang pengubatan jiwa (psikoterapi) menyaksikan bahawa faktor pemicu hampir kebanyakkan penyakit adalah tidak adanya keyakinan terhadap qada’ dan qadar Allah dan keyakinan akan datangnya hari akhir nanti. Eksperimen pengaruh al-Quran bagi orang yang mendengarkannya menetapkan adanya pengaruh bacaan al-Quran yang cukup signifikan pada sekitar 97% orang dari jumlah yang ada di dalam masing-masing kelompok tersebut. Pengaruh ini tampak dalam bentuk perubahan kejiwaan yang menunjukkan adanya pengurangan kadar yang memungkinkan timbulnya stress secara langsung¹¹.

Dakwah pada hari ini memerlukan suntikan baru berlandaskan prinsip-prinsip teras yang dinyatakan dalam al-Quran dan Hadith. Zaman teknologi maklumat mendedahkan manusia kepada maklumat yang pelbagai. Maklumat-maklumat ini perlu dimanfaatkan untuk berdakwah terutamanya dari sudut fikrah perbandingan. Umat Islam banyak ketinggalan dalam aspek

¹⁰ Ibrahim Eldeeb, terj. Faruq Zaini, *Be a Living Quran: Petunjuk Praktis Penerapan Ayat-ayat al-Quran dalam Kehidupan Sehari-Hari* (Jakarta: Lantera Hati, 2009), 145.

¹¹ Muhammad Kamil Abdushamad, *Mukijizat Ilmiah Dalam al-Quran* (Indonesia: Akbar Media Eka Serana, 2003), 310-311.

penyelidikan dan pembangunan dakwah kerana sikap mudah berpuas hati dengan apa yang ada¹². Satu kaedah penting yang dikatakan oleh para doktor bahawa pencegahan lebih baik dari pengubatan. Ini juga dijelaskan di dalam al-Quran bahawa pencegahan itu perlu kerana takut dan khuatir akan berlakunya sesuatu¹³. Sunnah memberikan banyak petunjuk pencegahan bagi orang mukmin. Jika dia berpegang teguh kepada dan berbuat baik maka dia akan mendapat keselamatan, perlindungan dan rasa aman dari segala macam bentuk kejahanatan. Di antara kaedah pencegahan itu adalah membaca al-Quran¹⁴.

Jenayah merupakan perbuatan yang menyalahi undang-undang kerajaan di sesebuah tempat. Jenayah adalah apa jua yang boleh memberikan masalah atau kesusahan terhadap orang lain. Jenayah juvana pula adalah merujuk kepada perlakuan jenayah atau anti-sosial di kalangan golongan kaum remaja. Juvana ialah mereka yang melakukan kesalahan jenayah yang berusia di antara 10 hingga 18 tahun. Takrifan ini mengikut peruntukan akta Mahkamah 1974, panggilan Juvana adalah merujuk kepada kelakuan yang tidak terkawal seperti lari dari rumah, membunuh, cubaan membunuh, merompak berkumpulan dan membawa senjata yang merbahaya.

Justeru itu, bimbingan dari segi keagamaan memainkan peranan penting terutama penekanan dalam adab, kesantunan dan budi bahasa. Dengan itu, pendekatan ilmu pengetahuan amat diperlukan. Hanya ilmu dapat memberi remaja itu kuat dan berfikir secara matang dan rasional. Kepincangan juga berlaku adalah kerana pendidikan dan pendidik tidak mampu menjadi alat penghubung yang betul kepada generasi baru untuk mewarisi tradisi ilmu al-Quran¹⁵.

REALITI REMAJA MASA KINI

Bilangan jenayah juvana di Malaysia kian hari semakin meningkat terutama di Kuala Lumpur. Kebanyakan penghuni pusat-pusat perlindungan adalah yang beragama Islam. Ini disebabkan kaum remaja ketika usia sebegini mudah terpengaruh untuk mencuba dan membuat sesuatu. Mereka juga memiliki jiwa dan semangat yang kuat sehingga tercetus perasaan ingin memberontak. Sesiapa yang bersalah mereka akan menjalani hukuman di penjara-penjara dan di Sekolah Henry Gurney di Kementerian Dalam Negeri dan juga di Sekolah-sekolah Tunas Bakti dan Asrama akhlak yang dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. Di Kuala Lumpur, terdapat tiga buah institusi perlindungan akhlak yang ditubuhkan iaitu; Asrama Bahagia Akhlak, Kampung Pandan, Sekolah Tunas Bakti, Sungai Besi dan Rumah Perlindungan Taman Seri Puteri, Cheras.

Statistik menunjukkan jumlah kes jenayah membabitkan pesalah juvana meningkat sebanyak 111% dalam tempoh setahun. Berdasarkan statistik yang

¹² Danial Zainal Abidin, *Bahan Berdakwah untuk Remaja Moden* (Pahang: PTS Publications and Distributors Sdn.Bhd, 2004), 1.

¹³ Disebut di dalam Surah an-Nisa' 4: 3.

¹⁴ Abdul Hayie al-Alawi, *Al-Quran Penyembuh Penyakit dan Penangkal Musibah* (Johor Bahru: Pustaka Azhar, 2009), 219-223

¹⁵ Muhammad al-Ghazali, terj. Muhammad Rivai Batubara, *Bagaimana Beinteraksi dengan al-Quran* (Selangor: Budaya Islam Sdn.Bhd, 1994), 51.

dikeluarkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), angka kegiatan jenayah berat golongan remaja mencatat peningkatan ketara sehingga 137% kepada 2011 kes berbanding hanya 849 kes dicatatkan pada 2012. Angka direkodkan turut meningkat kira-kira 47% di seluruh Negara. Kadar aktiviti seksual dalam kalangan remaja berusia 13 hingga 17 tahun di negara ini sepanjang dua dekad lalu meningkat daripada 0.9% pada 1994 kepada 8.3% pada 2012. Statistik itu diperoleh daripada kaji selidik Global Kesihatan Pelajar Sekolah (GSHS) serta Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) berkaitan kelakuan sumbang dilakukan remaja sebelum nikah bermula 1994 hingga 2012. Sementara itu, data direkod daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bermula 2005 hingga 2011 juga menunjukkan Malaysia menduduki tempat keempat daripada 10 negara berkaitan kehamilan remaja berusia antara 15 hingga 19 tahun¹⁶.

Selain itu, Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengeluarkan statistik pada 2010 yang menunjukkan kes remaja lari dari rumah meningkat sebanyak 4097 remaja terbabit dengan kegiatan ini seawal usia 13 hingga 17 tahun. Statistik Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mencatatkan 81000 anak luar nikah didaftarkan sehingga tahun 2011. Manakala kajian penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) pula mendapati 300 remaja Melayu berusia 13 hingga 25 tahun terbabit dengan salah laku seksual dan seks bebas¹⁷.

Berdasarkan kajian Noor Hafizah¹⁸, beliau menyenaraikan permasalahan yang timbul apabila melaksanakan program agama di Institusi-institusi Pemulihan Akhlak Masyarakat (JKM) di antaranya; masalah pengurusan organisasi, masalah sumber kewangan, masalah pendakwah atau pelaksana, masalah sasaran dakwah dan masalah metodologi dakwah. Oleh itu, penulis ingin menekankan di dalam kajian penulis dalam menyelesaikan masalah sasaran dakwah dan masalah metodologi dakwah.

Peratusan penghuni berbangsa Melayu Islam adalah menunjukkan yang tertinggi di pusat-pusat pemulihan akhlak kerana tidak menitikberatkan nilai-nilai Islam¹⁹. Berdasarkan pemerhatian Nor Azira Yusoff (2008)²⁰, rata-rata latarbelakang pelatih juvenile memiliki pengetahuan agama yang sangat cetepek. Kajiannya mendapati 72% pelatih tidak tahu membaca dan menulis jawi, 68% tidak tahu membaca al-Quran, 15% tidak diajarkan solat²¹. Selain itu, kajian mendapati aspek penerapan nilai-nilai Islam tidak dititikberatkan secara menyeluruh ke atas pelatih yang beragama Islam. Tambahan pula, menurut observasi Nor Azira Yusoff pegawai yang bertugas di pusat pemulihan akhlak

¹⁶ Shuhada Mansor, “Statistik Moral Remaja Kita”, laman sesawang My Metro, dicapai 31 Mei 2017, <http://www.hmetro.com.my/node/36116>.

¹⁷ Ibid.

¹⁸ Noor Hafizah binti Mohd Haridi dan Dr.Fakrul Adabi bin Abd. Kadir, *Program Agama Di Institusi Pemulihan Akhlak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM): Analisis Permasalahan* (Kuala Lumpur: Proceeding of the 3rd Global Summit on Education GSE, 2015), 757-760.

¹⁹ Nor Azira Yusoff, *Hubungkait Antara Pengabaian Solat Dengan Buruk Laku Individu: Kajian Di Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi, Kuala Lumpur* (Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2008), 112.

²⁰ Nor Azira Yusoff ialah calon sarjana Syariah tahun 2008 di Jabatan Fiqh dan Usul. Tesis beliau diselia oleh Prof. Madya Dr Anisah Abd.Ghani.

²¹ Opt.cit, 109.

juga tidak menunjukkan contoh yang baik kepada penghuni. Ini dapat dilihat dalam peraturan yang tidak membenarkan pelatih juvenile merokok semasa di pusat pemulihan sedangkan pada masa yang sama, petugas bebas merokok di hadapan pelatih tersebut²².

Di samping itu 81% hingga 90% pelatih juvenile yang masuk ke pusat pemulihan adalah disebabkan kesalahan yang berulang²³. Ini disebabkan penekanan terhadap kemahiran seperti menjahit, menukang dan sebagainya lebih diberatkan berbanding dengan penekanan terhadap aspek kerohanian dan ibadah²⁴. Ini selari dengan cadangan Syarifah Norshah Bani²⁵ dalam menyatakan program kerohanian perlulah dimantapkan agar misi tercapai²⁶.

Melalui pengalaman PSWM²⁷ dalam mengendalikan pelbagai program dengan kumpulan ini, terdapat perkara positif mengenai remaja Muslim adalah didapati kebanyakan mereka mempunyai asas agama Islam. Dari segi ibadah, mereka didapati boleh melaksanakan solat, puasa dan ramai juga di antara mereka yang boleh membaca al-Quran²⁸. Namun, akidah mereka boleh dilihat agak lemah. Mereka juga lemah dari segi penghayatan ilmu agama yang diajar sama ada ketika sebelum masuk ke pusat-pusat tahanan mahupun semasa mereka di dalam tahanan. Keadaan ini amat menyedihkan dan juga memerlukan kajian yang mendalam agar dapat memperlihatkan samada pendekatan Islam yang hanya mungkin mementingkan praktikal dalam ibadah dan di mana ianya menyebabkan kurang atau tiada sama sekali penghayatan terhadap aspek aqidah²⁹.

MANHAJ AL-QURAN DAN KEPENTINGANNYA TERHADAP PEMBENTUKAN REMAJA

Manhaj menurut Kamus Dewan Edisi Keempat adalah kaedah atau cara³⁰. Manakala di dalam *Mu'jam Al-Wasit* pula, manhaj bermaksud sukatan atau cara berbuat³¹. Di dalam kajian ini, penulis merujuk erti manhaj Quran itu kepada pendekatan al-Quran mengenai dakwah terhadap remaja. Dalam erti kata lain, manhaj al-Quran yang dimaksudkan ialah kaedah yang dirakamkan di dalam al-Quran samada secara langsung atau tidak langsung dalam menyatakan kaedah-

²² *Ibid*, 110-113.

²³ *Ibid*, 107.

²⁴ *Ibid*, 115.

²⁵ Sharifah Norshah Bani binti Syed ialah calon PhD Usuluddin, Jabatan al-Quran dan al-Hadith tahun 2009. Tesis beliau diselia oleh Prof Dato' Dr Mohd. Yakub @ Zulkifli Hj. Mohd.Yusoff.

²⁶ Sharifah Norshah Bani binti Syed Bidin, *Impak Uslub Tabsyir dan Indhar Dalam Membentuk Personaliti: Kajian Di Sekolah Henry Gurney, Teluk Mas, Melaka dan Batu Gajah Perak*, (Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajaran Islam Universiti Malaya, Universiti Malaya, 2009), 59.

²⁷ Persatuan Siswazah Wanita Malaysia (PSWM) adalah sebuah NGO yang telah ditubuhkan sejak tahun 1979 dan dianggotai oleh siswazah-siswazah perempuan lulusan dalam dan luar negara. Sejak 10 tahun yang lalu, PSWM telah menjadikan kumpulan juvana atau banduan remaja sebagai salah satu kumpulan sasarnya. Datin Fauziah Ramly merupakan Yang Dipertua PSWM. Beliau banyak melakukan program-program motivasi dan sentuhan kasih bersama anak-anak tahanan Jabatan Penjara Malaysia dan Jabatan Kebajikan Malaysia.

²⁸ Datin Fauziah Ramly (Yang Dipertua Persatuan Siswazah Wanita Malaysia), dalam temubual dengan penulis, 10 Ogos 2016.

²⁹ *Ibid*.

³⁰ Kamus Dewan, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2005), 200, entri "manhaj".

³¹ Jumhuriyah Misr Arabiyah, *Mu'jam Al-Wasit*, ed. ke-4 (Mesir: Makatibah As-Syuruq Ad-Daulah, 2004), 212.

kaedah yang sesuai dan berkesan dalam mendekati remaja. Kaedah yang difirmankan oleh Allah secara langsung adalah khitab yang disampaikan terus daripada Allah manakala kaedah yang difirmankan secara tidak langsung adakah melalui qasas al-Quran. Pembinaan manhaj al-Quran yang diekstrak daripada nas-nas kalam Allah seterusnya menjadi kerangka teori dengan meletakkan fokus utamanya mengenai dakwah terhadap remaja.

Al-Quran sebagai sumber asas kaunseling Islam mengemukakan beberapa kaedah dalam konteks tarbiah bagi menjana pembangunan insan yang seimbang. Tarbiah *bil al-mau’izah* (melalui nashihat), *tarbiah bil al-qissah* (melalui cerita), *tarbiah bil al-ahdath* (melalui peristiwa), *tarbiah bil al-qudwah* (melalui teladan) dan *tarbiah bil al-‘uqubah* (melalui denda) adalah antara kaedah yang dikemukakan al-Quran dalam konteks mendidik dan membangun manusia. Tarbiah dalam al-Quran bertujuan melahirkan ciri pembangunan individu yang mengetahui hala tuju mereka. Manusia bertaqwah adalah tujuan utama pendidikan al-Quran. Al-Quran telah memilih Rasulullah s.a.w sebagai contoh bagi manusia mengikuti dalam segala aspek kehidupan kerana kehidupan Rasulullah s.a.w adalah cerminan al-Quran.³².

Di antara kepentingan manhaj al-Quran dalam pembentukan remaja adalah dapat mengkaji manhaj al-Quran mengenai dakwah terhadap remaja. Dalam al-Quran terdapat ayat-ayat yang menceritakan kisah-kisah manusia yang mengalami tekanan emosi dan faktor-faktor yang menyebabkan tekanan emosi. Dalam menjelaskan faktor yang menyebabkan tekanan emosi remaja adalah disebabkan perubahan fisiologi dan psikologi yang berlaku atas diri mereka. Perhubungan yang pesat berhubung dengan kemajangan seksual juga menyebabkan remaja tidak pasti tentang dirinya, keupayaan dan minatnya³³.

Dalam konteks dakwah islamiyyah pula, pengkajian tentang tanda-tanda tekanan emosi boleh didapati dalam kisah-kisah Nabi dan umat terdahulu. Di antaranya di dalam surah Maryam ayat 19 memaparkan persoalan psikologi manusia termasuk hal berkaitan dengan tekanan. Kisah Maryam a.s yang dicemuh oleh masyarakatnya kerana hamil tanpa melalui proses perkahwinan menunjukkan bahawa Maryam a.s sedang mengalami tekanan dan menggambarkan bagaimana tindak balas tekanan dan aspek psikologi³⁴.

Penerokaan terhadap nas al-Quran pastinya menatijahkan suatu manhaj yang sofistikated menegnai dakwah terhadap remaja. Berasaskan kepada manhaj tersebut, penggubahan suatu modul baru yang lebih berkesan pastinya mampu direlasisaskan. Antara bentuk modul yang telah dibangunkan ialah menerusi kajian yang dilakarkan oleh Husna Mansoor (2016) terhadap modul keagamaan yang dilakukan di pusat-pusat perlindungan masih belum mencapai pendekatan tertentu yang berbentuk tradisional, konvensional mahupun keagamaan Islam

³² Abdul Ghafar Hj. Don, “Tarbiah Dalam Kaunseling Islam: Pendekatan Al-Quran Dalam Pembangunan Insan” dalam *Dakwah dan Kaunseling di Malaysia*, (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013), 99-104.

³³ Fariza Md.Sham, *Tekanan Emosi Remaja Islam*, Jurnal Islamiyyat, vol.27(1), (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005), 11-13.

³⁴ *Ibid.*

yang direka secara khusus bagi menangani masalah tingkah laku remaja³⁵. Ini menunjukkan modul yang dibina tidak meletakkan tanda aras yang sesuai dengan sasaran *mad'u* berpandukan al-Quran dan hadith. Mendidik remaja dan anak muda adalah perkara yang sangat mencabar. Menurut Imam al-Ghazali, tempoh usia mereka yang berbolak balik menyukarkan kita memahami kaedah yang terbaik untuk mereka. Ramai di kalangan orang dewasa kecewa dengan hasil pendidikan anak muda yang kadangkala degil, memberontak dan tidak menghormati orang tua. Ini membayangkan kita tentang keperluan mendesak kita agar mendidik mereka dengan segera dan efektif³⁶.

Mendidik remaja memerlukan nilai empati di dalam individu yang memberi dakwah. Ia bertujuan memahami realiti kehidupan mereka yang sebenar. Hubungan yang dibina atas dasar persahabatan yang ikhlas menyebabkan proses dakwah berlaku lebih mudah dan dihargai. Dakwah tersebut hendaklah diambil kira untuk berkompromi dengan ego remaja. Pendekatan dakwah dan didikan remaja memerlukan kreativiti yang tinggi³⁷. Oleh itu, modul yang berpandukan manhaj al-Quran terhadap remaja diyakini dapat membantu ibubapa, guru-guru, pendakwah, para penjaga dan masyarakat umumnya dalam menangani masalah remaja.

KAJIAN BIBLIOMATRIK MANHAJ AL-QURAN MENGENAI DAKWAH TERHADAP REMAJA

Berdasarkan penelitian terhadap kajian lepas panulis dapat mengumpulkannya daripada pelbagai sumber sama ada dari kajian-kajian tesis sarjana, artikel-artikel dan jurnal. Hasil penelitian terhadap kajian literatur, dapatlah dirumuskan bahawa kajian manhaj al-Quran menganai dakwah terhadap remaja diklasifikasikan kepada tiga tema utama iaitu:

i. Dakwah Terhadap Remaja

Menurut Supani bin Husain (2003), pembinaan motivasi bagi pembentukan manusia berketerampilan merupakan di antara usaha yang penting yang sentiasa berkesinambungan. Oleh itu, manusia amat perlu dimotivasikan supaya ia sentiasa berubah dan bergerak ke arah yang baik dan sihat. Kajian ini menunjukkan tiga elemen utama dalam berdakwah iaitu: 1. Elemen motivasi dakwah. 2. Relevensi motivasi dakwah. 3. Peranan motivasi dakwah dalam meningkatkan kecemerlangan pelajar 4. Motivasi dakwah dalam bentuk praktikal. Hasil dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa elemen-elemen motivasi dakwah secara praktiknya hanya mencapai tahap minima. Ini bererti

³⁵ Nurul Husna Mansor, *Modul Keagamaan untuk Remaja Hamil Luar Nikah di Pusat Perlindungan Wanita di Selangor: Kajian Perlaksanaan dan Masalah* (Kuala Lumpur: Jabatan Dakwah dan pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2016), 10.

³⁶ Prof. Madya Dr. Mohd Nor Mamat, *Dakwah Biar Santai Tapi Sampai*, (Selangor: Grup Buku Karangkraf, 2014), 336.

³⁷ *Ibid*, 336-343.

dari sudut aplikasi elemen-elemen motivasi dakwah mencatat nilai yang amat mengecewakan sebanyak 53%³⁸.

Selain itu menurut Mohamad Zaki (2009), program dakwah yang diadakan perlulah menggunakan pelbagai kaedah dan pendekatan. Kepelbagaiannya kaedah boleh menyebabkan program dakwah menjadi menarik dan tidak statik. Dapatkan kajian menunjukkan mempelbagai kaedah dakwah dapat menarik minat dan memberi kesan kepada sasaran dakwah³⁹.

Pendekatan dakwah Islamiah adalah salah satu bentuk sokongan yang boleh membantu menangani masalah tekanan emosi remaja. Oleh itu, perspektif dakwah melihat dari tiga sudut menyelesaikan masalah emosi remaja iaitu mengenalpasti dan memahami permasalahan sasaran dakwah iaitu golongan remaja, pendekatan dakwah yang sesuai untuk remaja yang mengalami tekanan emosi dan sudut dakwah iaitu bagaimana pendakwah boleh membantu remaja untuk menangani tekanan emosi⁴⁰.

Di samping itu pengabaian solat juga mempunyai kaitan dengan buruk laku individu. Oleh itu, punca sebenar berlakunya gejala sosial di Malaysia adalah rentetan daripada pelakunya yang mengabaikan ibadat solat⁴¹.

Sharifah Norshah Bani (2009) mencadangkan agar penambahbaikan dalam usaha mendidik jiwa penghuni agar mereka dapat menghayati setiap ajaran agama yang mereka pelajari. Ia amat penting ditekankan demi untuk mengikis sifat-sifat mazmumah yang seolah-olah telah menjadi darah daging mereka sebelum ini⁴².

Baharul Adam (2004) mengutarakan pendapat bahawa masa belajar bagi pelatih juvana perlulah dipanjangkan lagi. Mereka perlu diransangkan lagi untuk terus belajar. Dari segi rohani pula, lebih baik jadual yang sedia ada ditambah dan memperbanyak tentang soal ketuhanan dan budi pekerti. Di samping itu, disiplin dan ketahanan diri hendaklah dipertingkatkan berdasarkan rukun negara dan agama⁴³.

Pembantu hal ehwal Islam juga berhadapan dengan masalah dalam memahami psikologi pelatih. Kekurangan ilmu serta penguasaan dari segi teknik penyampaian menjadikan program agama kurang diminati berbanding dengan program-program lain. Hasil kajian Noor Hafizah binti Mohd Haridi (2016) menunjukkan teradapat dapatan yang tidak selari antara pengetahuan dan

³⁸ Supani bin Husain, Elemen Motivasi Dakwah Dalam Kursus Kecemerlangan Diri Pelajar Di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perak, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Universiti Malaya, 2003), 8.

³⁹ Mohamad Zaki bin Hamid, Sektor Pendidikan Islam Jabatan Pelajaran Selangor: Kajian Tentang Perlaksanaan Program Dakwah dan Keberkesanannya, Program Pengajian Islam (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Universiti Malaya, 2009), 198.

⁴⁰ Fariza Md. Sham, Dakwah Kepada Remaja yang Mengalami Tekanan Emosi: Kajian di Kajang Selangor Darul Ehsan (Kuala Lumpur: Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006), 3-4.

⁴¹ Nor Azira Yusoff, Hubungkait Antara Pengabaian Solat Dengan Buruk Laku Individu: Kajian Di Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi, Kuala Lumpur (Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2008), 1.

⁴² Sharifah Norshah Bani binti Syed Bidin, Impak Uslub Tabsyir dan Indhar Dalam Membentuk Personaliti: Kajian Di Sekolah Henry Gurney, Teluk Mas, Melaka dan Batu Gajah Perak (Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Universiti Malaya, 2009), h.373.

⁴³ Baharullah Haji Adam, *Sekolah Henry Gurney Sebagai Pusat Pemulihan Juvana, 1950-1990* (Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 2004), 119.

tingkahlaku perlatih. Oleh itu, Noor Hafizah mencadangkan agar membina modul yang sesuai dan efektif terhadap pelatih⁴⁴.

Al-Quran sebagai sumber asas kaunseling Islam mengemukakan beberapa kaedah dalam konteks tarbiah bagi menjana pembangunan insan yang seimbang. Tarbiah *bil al-mau’izah* (melalui nasihat), tarbiah *bil al-qissah* (melalui cerita), tarbiah *bil al-ahdath* (melalui peristiwa), tarbiah *bil al-qudwah* (melalui teladan) dan tarbiah *bil al-‘uqubah* (melalui denda) adalah antara kaedah yang dikemukakan al-Quran dalam konteks mendidik dan membangun manusia. Tarbiah dalam al-Quran bertujuan melahirkan ciri pembangunan individu yang mengetahui hala tuju mereka. Manusia bertaqwah adalah tujuan utama pendidikan al-Quran. Al-Quran telah memilih Rasulullah s.a.w sebagai contoh bagi manusia mengikuti dalam segala aspek kehidupan kerana kehidupan Rasulullah s.a.w adalah cerminan al-Quran⁴⁵.

Manhaj al-Quran merupakan contoh dalam uslub-uslub mendidik dengan sari yang pelbagai bagi mendidik pembangunan shsiah insan. Al-Quran mengandungi unsur pengajaran dan petunjuk, kisah-kisah dalam al-Quran, contoh-contoh dan *targhib* dan *tarhib* serta pedoman yang mulia⁴⁶.

Bagi melahirkan strategi dakwah jangka panjang, usaha yang sistematik perlu diusahakan untuk membentuk kekuatan remaja dari segi mental, emosi, rohani, fizikal, motivasi, nilai, sahsiah dan semangat remaja sebagaimana yang dikehendaki dalam Islam. Ia memerlukan satu strategi dakwah yang berhikmah, terancang dan tersusun. Ini disebabkan tekanan emosi wujud dari dalam diri remaja⁴⁷.

Berdasarkan perbincangan yang berkisarkan tentang dakwah terhadap remaja, kajian-kajian banyak mengulas berkaitan dengan pendekatan dakwah yang tidak statik dan kaedah menyelesaikan masalah emosi. Namun begitu, kajian mengenai pendekatan dakwah terhadap remaja khususnya kepada remaja wanita dengan menggunakan manhaj al-Quran masih lagi belum dijumpai.

ii. Manhaj Al-Quran Mengenai Islah Dan Dakwah

Menurut Ahmad Puaad (2005), skop islah dalam al-Quran meliputi pelbagai bidang kehidupan yang terdiri daripada aspek hubungan Allah dan manusia. Manakala islah diri yang berteraskan aqidah, pemantapan amal dan penyucian jiwa merupakan asas dan titik mula perlaksannya di medan yang lebih luas. Kajian lanjutan secara kuantitatif haruslah dijalankan ke atas program-program JIM yang berkaitan dengan pembinaan insan bagi mengukur tahap keberkesanannya dan juga tahap penerimaan terhadap program yang dianjurkan.

⁴⁴ Noor Hafizah binti Mohd Haridi, *Program Agama di Pusat Pemulihan Akhlak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM): Kajian Dari Aspek Perlaksanaan dan Keberkesanannya* (Kuala Lumpur: Jabatan Dakwah dan pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2016), 235.

⁴⁵ Abdul Ghafar Hj. Don, “Tarbiah Dalam Kaunseling Islam: Pendekatan Al-Quran Dalam Pembangunan Insan” dalam *Dakwah dan Kaunseling di Malaysia* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013), 99-104.

⁴⁶ Farid Farj Saed Ziarah, *Manhaj Quran Fi Tahqiq al-Sihhatu Nafsiyyah Lil Insan* (Gaza: Jabatan Tafsir dan Ulum Quran, Universiti Islam Gaza, 2009), 155.

⁴⁷ Fariza Md Sham, “Bimbingan Dan Kaunseling Untuk Remaja Mengalami Tekanan Emosi” dalam *Dakwah dan Kaunseling di Malaysia* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013), 204.

Kajian sebegini lebih menjurus untuk mendapatkan peningkatan kualiti strategi dan aktiviti islah⁴⁸.

Dalam pemikiran Siddiq Fadhil menyarankan agar gerakan dakwah dapat dijadikan islah dalam mendamaikan sesebuah konflik. Gerakan dakwah hendaklah berani melihat isu secara objektif, realistik dan adil. Sebaliknya, gerakan Islam perlu mencari punca sebenar sesuatu konflik serta cuba menyelesaikannya berdasarkan perspektif al-Quran⁴⁹.

Norshiela (2009) menyatakan bahawa usaha yang berterusan sangat diperlukan agar dakwah yang disampaikan itu dapat mendatangkan kesan yang mendalam terhadap diri masyarakat. Sebagaimana usaha ABIM Negeri Johor dalam berdakwah telah menampakkan keberkesanannya melalui penerimaan masyarakat yang menerima islah dan dakwah yang dijalankan secara positif. ABIM Negeri Johor turut mengalami beberapa masalah dalam pergerakan islah dan dakwahnya yang mungkin serba-sedikit mempengaruhi keberkesanannya perlaksanaannya seperti masalah kewangan dan kekurangan tenaga penggerak. Namun, usaha-usaha tersebut tetap diteruskan oleh pihak ABIM Negeri Johor dengan penuh keikhlasan kerana Allah S.W.T⁵⁰.

Selain nilai-nilai dan akhlak Islam yang menjadi fondasi, para pimpinan maupun anggota Muhammadiyah perlu bersikap sesuai Kepribadian Muhammadiyah. Kepribadian Muhammadiyah menggariskan sepuluh sifat yakni: (1)Beramal dan berjuang untuk perdamaian dan kesejahteraan, (2)Memperbanyak kawan dan mengamalkan ukhuwah Islamiyah, (3)Lapang dada, luas pandangan, dengan memegang teguh ajaran Islam, (4) Bersifat keagamaan dan kemasyarakatan, (5)Mengindahkan segala hukum, undang-undang, peraturan, serta dasar dan falsafah negara yang sah, (6)Amar ma’ruf nahi munkar dalam segala lapangan serta menjadi contoh teladan yang baik, (7)Aktif dalam perkembangan masyarakat dengan maksud islah dan pembangunan, sesuai dengan ajaran Islam, (8)Kerjasama dengan golongan Islam manapun juga dalam usaha menyiarkan dan mengamalkan agama Islam serta membela kepentingannya, (9)Membantu pemerintah serta bekerjasama dengan golongan lain dalam memelihara dan membangun negara mencapai masyarakat adil dan makmur yang diridhai Allah, dan bersifat adil serta korektif ke dalam dan ke luar dengan bijaksana⁵¹.

Di antara metode-metode al-Quran dalam dakwah menurut Quraish Shihab, pertama adalah dengan mengemukakan kisah-kisah yang berkait dengan tujuan untuk berdakwah. Kedua, nasihat dan peranan yang menggunakan kalimat-kalimat al-Quran yang menyentuh hati dan diselangi dengan menceritakan sifat-sifat para Nabi terdahulu dan memerintahkan untuk mengikuti

⁴⁸ Ahmad Puaad Abd. Rahman, *Konsep Islah Menurut Al-Quran: Suatu Kajian Terhadap Perlaksanaanya Dalam Pertubuhan Jamaah Islam Malaysia (JIM)*, (Kuala Lumpur: Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2005), 109-114.

⁴⁹ Badlihisham Mohd Nasir, *Ketokohan Dan Pemikiran Dakwah Dato’ Dr. Siddiq Fadhil*, Jurnal Usuluddin bil.27, (Kuala Lumpur: Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2008), 79.

⁵⁰ Norshiela binti Md. Said, *Peranan NGO Islam Terhadap Perlaksanaan Islah Dan Dakwah Dalam Kalangan Masyarakat*, (Johor: Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, 2009), 101-108.

⁵¹ Hedar Nashir, “*Kepimpinan Dalam Muhammadiyah: Tantangan dan Agenda*”, laman sesawang Suara Muhammadiyah 16-18 Februari 2011, dicapai pada 25 November 2017, <http://www.suaramuhammadiyah.id/>.

sifat-sifat tersebut. Ketiga adalah pembiasaan yang menunjukkan cara-cara pasif dalam meninggalkan sesuatu dan aktif dalam melaksanakan sesuatu menurut al-Quran⁵².

Dr.Majdi al-Hilali menyatakan bahawa al-Quran memberikan hidayah kepada segenap manusia melalui keterangan dan penyingkapannya terhadap setiap dimensi yang berhubung dengan bahagian fizikal manusia, begitu juga dengan segala aspek yang tersembunyi, pertanyaan-pertanyaan yang membuatnya bingung dan prasangka yang salah. Al-Quran akan menyingkap semua aspek ini dan mengarahkannya menuju tujuan yang benar dan inilah yang diibaratkan jalan yang lurus maka tujuan utamanya adalah menghantarkan orang yang mengamalkan dan mengikuti ajarannya menuju alam kedamaian pada segala sesuatu yang berhubung dengan segala urusan dunia sebelum urusan akhirat⁵³.

Sumber utama metode dan media dakwah ialah al-Quran, sunnah Rasul, sejarah hidup para sahabat, pendapat dan pandangan para fuqaha serta pengalaman para pendakwah dalam melaksanakan dakwahnya. Di dalam al-quran terdapat banyak ayat yang menunjukkan metode dakwah yang harus difahami dan dipelajari oleh setiap muslim. Ini disebabkan Allah tidak akan menceritakan melainkan agar dijadikan teladan dan membantu dalam melaksanakan dakwah yang harus sesuai dengan metode yang telah diterangkan⁵⁴.

Tiga metode dakwah yang terbaik di antaranya; pertama: Para pendakwah hendaklah menyampaikan dakwah dengan cara berhikmah iaitu berdialog dengan kata-kata yang sesuai dengan tahap pemikiran pendengar. Menurut M.Quraish Shihab hikmah itu adalah sesuatu yang digunakan yang akan mendatangkan kemaslahatan dan kemudahan besar serta menghalang daripada berlaku kesulitan. Kedua: Seterusnya ialah mau'izah iaitu memberi nasihat yang baik yang dapat mengenai hati sasaran apabila ucapan disampaikan disertai dengan pengamalan dan keteladanan daripada orang yang menyampaikannya. Dalam erti kata lain ialah hasanah. Ketiga: Kemudian adalah cara berdakwah dengan al-jidal. Al-jidal adalah perkara baik yang disampaikan menggunakan dalil-dalil sebagai hujah. Ketiga-tiga metode ini digunakan agar bersesuaian dengan tingkat kecerdasan sasaran dakwah. Sebagai contoh para cendakiawan yang memiliki kemampuan berfikir yang tinggi akan diajak dengan hikmah. Adapun orang awam disentuh dengan mau'izah dan pengikut agama lain adalah dengan jidal.⁵⁵.

Ulasan-ulasan kajian lepas menunjukkan saranan metod-metod dakwah untuk digunakan dengan menepati kehendak nas-nas al-Quran. Akan teteapi, penerokaan terhadap metod sistematik yang digali dari al-Quran tidak dibuat lagi.

⁵² M.Quraish Shihab, *Membumikan Al-Quran*, (Bandung: PT Mizan Pustaka, 2007), 309-312.

⁵³ Majdi al-Hilali, terj. Abu Ezzat al-Mubarak, *Panduan Kembali Kepada Al-Quran Konsep Hidup Bahagia Dunia Dan Akhirat*, (Selangor: Pusataka Jiwa Sdn.Bhd, 2012), 33-34.

⁵⁴ Abdul Kareem Zaidan, *Dasar-dasar Ilmu Dakwah*, (Jakarta: Dewan Pustaka Fajar, 2009), 169-170.

⁵⁵ Latifah Abdul Majid, Ahamad Asmadi Sakat dan Wan Khadijah Wan Jusoh, *Pendekatan Dakwah Dalam Kitab Tafsir Al-Misbah Oleh M.Quraish Shihab dalam Khazanah Intelektual Islam*, (Bangi: Jabatan Pengajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010), 58-61.

iii. Modul Berteraskan Al-Quran Terhadap Pembangunan Modal Insan

Berdasarkan ulasan kajian-kajian lepas, persamaan yang terdapat dengan kajian penulis adalah menangani dan mengkaji sesbuah kaedah baru dan lebih berkesan dalam membentuk remaja. Akan tetapi, kajian penulis lebih menfokuskan pendekatan al-Quran terhadap remaja dengan membina modul dakwah yang berteraskan al-Quran. Di antara ulasan kajian yang dapat penulis koleksikan adalah:

Tamadun Islam dibangunkan menerusi sumber al-Quran. Al-Quran dijadikan pedoman melakukan tadabbur dan telitian mengenai alam dan kehidupan. Hikmah dari tradisi tadabbur itu menghasilkan penemuan dan sifat saintifik. Pembinaan generasi berasaskan jendela al-Quran memberi fokus pada akhlak manusia kerana proses peradaban berlaku bagi membangunkan akhlak manusia. Tanpa akhlak, kemajuan hanya bersifat mekanistik. Pembangunan dan kemajuan mesti bersama roh yang membimbangi manusia memiliki akhlak mulia. Proses pendidikan dalam proses pembangunan generasi al-Quran bukan sekadar suatu proses pemindahan ilmu dan maklumat daripada pendidik kepada murid-murid tetapi mengambil kira proses transformasi diri⁵⁶.

Dengan mengadakan aktiviti dakwah di Penjara Kajang, Abdul Munir bin Hj. Ismail (2003) mendapati banduan memberi kerjasama dan sokongan. Di samping itu, mereka dapat meningkatkan pengetahuan, meningkatkan prestasi akhlak dan mampu mengawal mental mereka⁵⁷.

Mohd Yusuf Ahmad (2005) mencadangkan bahawa JAPIM haruslah menganjurkan aktiviti-aktiviti yang melibatkan pelajar menengah dan rendah dalam menghayati al-Quran dalam aspek bacaan dan ajaran al-Quran dalam aspek tingkah laku dan amalan hidup sekurang-kurangnya semasa berada di perkarangan sekolah⁵⁸.

Abdul Muhsein Sulaiman (2014) mencadangkan agar perlaksanaan kajian lebih mendalam terhadap sosialisasi guru-murid dari sudut pembinaan akhlak dan syakhsiah murid. Ini kerana dapatan kajian menunjukkan tahap keperluannya yang mendesak dari kalangan responden⁵⁹.

Proses memantapkan pengajian Islam haruslah terus dilaksanakan apabila ia turut terlibat dalam transformasi pendidikan yang berlaku dalam sistem pendidikan kebangsaan. Ini disokong pula dengan pelbagai usaha dan langkah yang diambil oleh pihak KPM dalam memantapkan lagi Pendidikan Islam di sekolah. Justeru itu, sebagai Muslim hendaklah bersama berganding bahu memikul dan melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan bagi merealisasikan matlamat dan harapan negara. Selain itu, perlu ditekankan sekali

⁵⁶ Prof. Dato’ Dr. Sidek Baba, *Al-Quran Sebagai Petunjuk* (Selangor: Grup Buku Karangkraf, 2016), 65-67.

⁵⁷ Abdul Munir bin Haji Ismail, *Keberkesanan aktiviti dakwah terhadap banduan di Penjara Kajang, Selangor* (Kuala Lumpur: Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2003).

⁵⁸ Mohd Yusuf Ahmad, *Usaha-usaha Jabatan Pendidikan Islam dan Moral Kementerian Pendidikan Malaysia dalam pendidikan Al-Quran* (Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2005), 394.

⁵⁹ Abdul Muhsein bin Sulaiman, *Peranan Guru Pendidikan Islam Dalam Pembentukan Akhlak Murid dari Aspek Hubungan Guru-Murid Berasaskan Abu Talib Al-Makki* (Kuala Lumpur: Institut Pengajian Siswazah, Universiti Malaya 2014), 299.

lagi bahawa pendidikan perlu diberikan kepada semua golongan dan pelbagai latar belakang murid agar ianya benar-benar bersifat holistik dan menyeluruh. Komitmen daripada pelbagai pihak amat diharapkan bagi memastikan prinsip *Education for All* dapat dilaksanakan dengan efektif dan berkualiti⁶⁰.

Dalam usaha melahirkan pelajar yang berkualiti menurut al-Quran dan al-Hadith pengembangan metodologi al-Quran haruslah dibekali dengan bahasa arab, ilmu dirasah islamiyah, ilmu soasial sains, kelengkapan sumber rujukan, kurikulum dan silibus yang bersesuaian dengan keadaan semasa⁶¹.

Selain itu, keperluan pusat kurungan adalah untuk mendidik dan tidak merosakkan penghuninya. Dengan keberhasilan ini dapat membantu ibu bapa atau penjaga mereka. Di antara keperluan yang disyariaatkan adalah mengajar penghuni undang-undang dan berdakwah dengan ajaran yang bersesuaian. Selain itu, memenuhi masa mereka dengan belajar ilmu-ilmu yang bermanfaat⁶².

Metodologi pembelajaran dan pengajaran yang bersifat Qurani adalah penting dikuasai oleh para pendidik atau murabbi supaya ia memberi kesan pada pembangunan insan. Kepada individu terdapat tiga faktor utama yang perlu dibangunkan iaitu: 1. Pembangunan akal supaya mampu menjana ilmu. 2. Pembangunan hati supaya dalaman diri mempunyai ketangkasian. 3. Pembangunan amal supaya akal budi dijadikan sandaran dalam amalan⁶³.

Kajian Fathiyah Mohd Fakhruddin (2003) dalam mengenalpasti metode atau pendekatan pembangunan akhlak dan keberkesanannya metode yang diberi oleh ibubapa dan guru-guru kepada pelajar sekolah menengah. Dapatkan kajian menunjukkan ramai pelajar lelaki dari kelas yang lemah terlibat dengan pelbagai jenis masalah akhlak ringan hingga masalah yang dikategorikan jenayah. Di antara faktor-faktor yang mendorong ialah faktor persekitaran, media massa, persekitaran rumah tangga yang tidak kondusif, pengaruh rakan sebaya dna sikap guru yang tidak mempedulikan akhlak pelajar. Oleh itu, pendekatan pembangunan akhlak oleh guru-guru dan ibu bapa telah dikenalpasti iaitu metode pengajaran guru yang menarik, metode teladan, nasihat dan kasih sayang. Dengan itu, kajian mendapati beberapa metode pembangunan akhlak menurut al-Quran sesuai digunakan kepada pelajar iaitu metode teladan, nasihat, galakan, latihan dan hukuman dengan mengambil kira keadaan jiwa setiap individu pelajar.⁶⁴.

Ahmad Hisham (2009) menyatakan dalam kajian beliau bahawa perkaitan solat dan nilai-nilai spiritual dengan gelisah dalam kalangan remaja Islam.

⁶⁰ Asmawati Suhid, Abd. Muhsin Ahmad, Syaza Mohd Sabri dan Azreen Effendy Mohamad, “Pendidikan untuk Semua: Amalan dalam Sistem Pendidikan Islam di Malaysia”, *International Journal of Education and Training (InjET)* (Universiti Putra Malaysia, 2015), 7.

⁶¹ Budianto, *Pengembangan Metodologi Studi Al-Quran Di IAIN Raden Fatah Palembang – Indonesia: Suatu Realiti dan Aspirasi Menuju Perguruan Tinggi Agama Islam (PTAI) Yang Berkualiti dalam Tajdid in Quranic Studies* (Kuala Lumpur: Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2014), 119.

⁶² Basil Mahmud al-Hafi, *Fiqhu Thufulah Ahkamul Nafs Dirasati Muqaranah* (Labanon: Dar Nawadir, 2011), 517-537.

⁶³ Prof. Dato' Dr. Sidek Baba, *Al-Quran Sebagai Petunjuk* (Selangor: Grup Buku Karangkraf, 2016), 73.

⁶⁴ Fathiyah Mohd Fakhruddin, *Pembangunan Akhlak Remaja Menurut Al-Quran: Kajian Tentang Pendekatannya Terhadap Pelajar Tingkatan Empat Di Sekolah-sekolah Menengah Di Ampang, Selangor Darul Ehsan* (Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Bersama, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2003), 110.

Dapatkan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara solat, nilai-nilai spiritual dengan penyakit gelisah di kalangan remaja Muslim. Akan tetapi, tidak terdapat hubungan yang signifikan dengan tempat tinggal, pendapatan ibubapa dan pendidikan awal agama dengan masalah gelisah remaja. Ini menunjukkan remaja memahami dengan jelas bahawa solat dan nilai-nilai spiritual mampu menangani masalah gelisah di kalangan remaja. Di antara saranan dan cadangan berdasarkan kajian ini adalah merangka modul pendidikan psikologi dan pembangunan modal insan yang berkesan kepada remaja⁶⁵.

Siti Balqis (2015) mengkaji bentuk pengisian dan masalah dalam modul keagamaan terhadap remaja hamil luar nikah di Pusat Perlindungan Wanita di Selangor. Dapatkan menunjukkan Pusat Perlindungan Wanita masih belum mengaplikasikan modul-modul keagamaan. Pendekatan hanya memfokuskan kepada pembinaan kekuatan fizikal sahaja malah aspek kerohanian kurang ditekankan. Masalah pembangunan modul keagamaan di pusat perlindungan adalah kekurangan tenaga pengajar, kewangan, pelatih, ibu bapa, keluarga pelatih, pengurusan modul, tempoh perlindungan serta masyarakat. Oleh itu, dengan kajian penulis, penulis akan membina sebuah modul yang menampal kelompongan-kelompongan yang terdapat dalam modul keagamaan yang dinyatakan di dalam ulasan kajian ini⁶⁶.

Realiti berkenaan penguasaan bacaan al-Quran di Malaysia adalah pada paras yang membimbangkan. Masih lagi terdapat ramai umat Islam yang belum mampu menguasai bacaan al-Quran di mana bacaan mereka dilihat kurang lancar seperti lemah dari sudut bacaan mengikut tajwid yang betul dan tidak menyebut huruf hijai’yyah dengan lafadz makhraj yang tepat. Malah yang lebih menggusarkan adalah apabila didapati masih ramai umat Islam di Malaysia yang mengalami masalah buta huruf al-Quran. Kenyataan ini dibuktikan melalui kajian yang dibuat pada tahun 2006 oleh Saidi Mohd di Terengganu. Penulis yang telah menganalisa keupayaan bacaan al-Quran dalam kalangan pelajar tingkatan empat di Terengganu menemui hasil yang cukup mengecewakan. Penulis mendapati daripada jumlah keseluruhan, terdapat 38.1% pelajar yang mempunyai gred yang sangat lemah dalam tahap bacaan al-Qur'an. Penulis juga membuat analisa kepada tahap bacaan al-Quran para pelajar daripada pelbagai aspek hukum berbeza seperti fasohah, mad, nun sakinah dan lain-lain. Hasil daripada analisa tersebut, menunjukkan nilai purata tahap penguasaan pelajar terhadap bacaan al-Quran dari aspek hukum yang berbeza adalah pada paras yang memuaskan sahaja⁶⁷.

Berdasarkan kajian-kajian lepas, modul berteraskan al-Quran terhadap pembangunan modal insan mengulas keberhasilan sesuatu modul dalam


⁶⁵ Ahmad Hisham bin Azizan, Solat dan nilai-nilai spiritual dalam menangani gelisah dalam kalangan remaja Islam: kajian di Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI), Selangor (Kuala Lumpur: Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2010), 403.

⁶⁶ Siti Balqis binti Mohd Azam, Pelaksanaan Program Pemulihan Sosial Untuk Remaja Hamil Luar Nikah: Kajian Kes Di Taman Seri Puteri, Cheras, Kuala Lumpur (Kuala Lumpur: Jabatan Pentadbiran Dan Keadilan Sosial, Fakulti Sastera Dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 2015), 288-290.

⁶⁷ Prof. Dato’ Dr. Zulkifli Haji Yusof, Nur ‘Atiyah binti Suratem, Senario Semasa Dan Strategi Pengembangan Pengajian Ilmu Al-Quran, Kertas Persidangan Seminar Memperkasakan Pengajian Ilmu Al-Quran di Dewan Kuliah Utama, Akademi Pengajian Islam pada 2 November 2013, 1-2.

membasmi buta huruf al-Quran dan al-Quran itu dijadikan panduan bagi mendisiplinkan remaja ketika berada di dalam sesi latihan akhlak. Akan tetapi, modul yang diekstrak daripada nas-nas al-Quran masih belum dikaji.

DAPATAN KAJIAN



Carta: Kajian Literatur Manhaj al-Quran Mengenai Dakwah Terhadap Remaja

Dapatkan kajian menunjukkan, terdapat 28 buah kajian literatur membincangkan perihal berkaitan dengan manhaj al-Quran mengenai dakwah terhadap remaja. Kajian-kajian ini diklasifikasikan kepada tiga tema iaitu; 1) dakwah terhadap remaja, 2) manhaj al-Quran mengenai islah dan dakwah serta 3) modul berteraskan al-Quran terhadap pembangunan modal insan.

Berpandukan carta di atas, kajian literatur bertemakan modul berteraskan al-Quran terhadap pembangunan insan mencatat peratus tertinggi sebanyak 40% iaitu 12 buah kajian. Manakala 33% iaitu sebanyak 10 buah kajian menunjukkan ulasan kajian lepas berkaitan dengan dakwah terhadap remaja. Ulasan kajian lepas berkaitan dengan manhaj al-Quran islah dan dakwah mencatat 27% iaitu sebanyak 8 buah kajian. Dengan itu, hasil kajian menunjukkan terdapat banyak usaha dan pengolahan baru bagi melestarikan pendekatan dakwah yang terbaik terhadap remaja.

Berdasarkan ulasan-ulasan kajian lepas, kajian yang menfokuskan analisis kaedah pembangunan dakwah terhadap remaja perempuan masih kurang. Begitu juga dalam merencanakan modul yang berekstrakkan nas-nas al-Quran kepada remaja-remaja bermasalah sosial.

KESIMPULAN

Manhaj al-Quran dalam mengajukan cara berdakwah seharusnya bukan hanya disertakan pada saat berdakwah dalam masyarakat sahaja, tetapi juga dalam mendidik pada lembaga-lembaga pendidikan formal.

Pada hemat penulis, terdapat kekurangan iaitu kelompongan yang perlu diisi daripada pemerhatian dan kajian berdasarkan manhaj al-Quran dakwah terhadap remaja. Oleh itu, kajian lanjutan haruslah dilaksanakan bagi meneliti pendekatan-pedekatan dakwah terhadap remaja melalui manhaj-manhaj al-Quran yang lebih terperinci. Lantas, berpandukan manhaj yang telah dikaji, maka terhasillah modul yang boleh digunakan untuk dilaksanakan dalam sesi-sesi dakwah kepada remaja terutama yang bermasalah sosial.

BIBLIOGRAFI

Buku

- Abdul Ghafar Hj. Don, “Tarbiah Dalam Kaunseling Islam: Pendekatan Al-Quran Dalam Pembangunan Insan” dalam *Dakwah dan Kaunseling di Malaysia*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013.
- Abdul Hayie al-Alawi, *Al-Quran Penyembuh Penyakit dan Penangkal Musibah*, Johor Bahru: Pustaka Azhar, 2009.
- Abdul Karem Zaidan, *Dasar-dasar Ilmu Dakwah*, Jakarta: Dewan Pustaka Fajar, 2009.
- Basil Mahmud al-Hafi, *Fiqhu Thufulah Ahkamul Nafs Dirasati Muqaranah*, Labenon: Dar Nawadir, 2011.
- Budianto, “Pengembangan Metodologi Studi Al-Quran Di IAIN Raden Fatah Palembang – Indonesia: Suatu Realiti dan Aspirasi Menuju Perguruan Tinggi Agama Islam (PTAI) Yang Berkualiti” dalam *Tajdid in Quranic Studies*, Kuala Lumpur: Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2014.
- Danial Zainal Abidin, *Bahan Berdakwah untuk Remaja Moden*, Pahang: PTS Publications and Distributors Sdn.Bhd, 2004.
- Fariza Md Sham, “Bimbingan Dan Kaunseling Untuk Remaja Mengalami Tekanan Emosi” dalam *Dakwah dan Kaunseling di Malaysia*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013.
- Ibrahim Eldeeb, terj. Faruq Zaini, “Be a Living Quran: Petunjuk Praktis Penerapan Ayat-ayat al-Quran” dalam *Kehidupan Sehari-Hari*, Jakarta: Lantera Hati, 2009.
- Jumhuriyah Misr Arabiyah, *Mu’jam Al-Wasit*, ed. ke-4, Mesir: Makatibah As-Syuruq Ad-Daulah, 2004.
- Kamus Dewan, ed. ke-4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2005.
- Latifah Abdul Majid, Ahamad Asmadi Sakat dan Wan Khadijah Wan Jusoh, *Pendekatan Dakwah Dalam Kitab Tafsir Al-Misbah Oleh M.Quraish Shihab dalam Khazanah Intelektual Islam*, Bangi: Jabatan Pengajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010.

- M.Quraish Shihab, *Membumikan Al-Quran*, Bandung: PT Mizan Pustaka, 2007.
- Majdi al-Hilali, terj. Abu Ezzat al-Mubarak, *Panduan Kembali Kepada Al-Quran Konsep Hidup Bahagia Dunia Dan Akhirat*, Selangor: Pusataka Jiwa Sdn.Bhd, 2012.
- Muhammad al-Ghazali, terj. Muhammad Rivai Batubara, *Bagaimana Beinteraksi dengan al-Quran*, Selangor: Budaya Islam Sdn.Bhd, 1994.
- Muhammad Kamil Abdushamad, *Mukijizat Ilmiah Dalam al-Quran*, Indonesia: Akbar Media Eka Serana, 2003.
- Prof. Dato' Dr. Sidek Baba, *Al-Quran Sebagai Petunjuk*, Selangor: Grup Buku Karangkraf, 2016.

Kajian Ilmiah

- Abdul Ghafar Hj. Don, "Tarbiah Dalam Kaunseling Islam: Pendekatan Al-Quran Dalam Pembangunan Insan" dalam *Dakwah dan Kaunseling di Malaysia*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013.
- Abdul Muhsein bin Sualiman, *Peranan Guru Pendidikan Islam Dalam Pembentukan Akhlak Murid dari Aspek Hubungan Guru-Murid Berasaskan Abu Talib Al-Makki*, Kuala Lumpur: Institut Pengajian Siswazah, Universiti Malaya 2014.
- Abdul Munir bin Haji Ismail, *Keberkesan aktiviti dakwah terhadap banduan di Penjara Kajang, Selangor*, Kuala Lumpur: Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2003.
- Ahmad Hisham bin Azizan, *Solat dan nilai-nilai spiritual dalam menangani gelisah dalam kalangan remaja Islam: kajian di Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI)*, Selangor, Kuala Lumpur: Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2010.
- Ahmad Puaad Abd. Rahman, *Konsep Islah Menurut Al-Quran: Suatu Kajian Terhadap Perlaksanaannya Dalam Pertubuhan Jamaah Islam Malaysia (JIM)*, (Kuala Lumpur: Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2005.
- Asmawati Suhid, Abd. Muhsin Ahmad, Syaza Mohd Sabri dan Azreen Effendy Mohamad, "Pendidikan untuk Semua: Amalannya dalam Sistem Pendidikan Islam di Malaysia", International Journal of Education and Training (InjET), Universiti Putra Malaysia, 2015.
- Baharullah Haji Adam, *Sekolah Henry Gurney Sebagai Pusat Pemulihan Juvana, 1950-1990*, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 2004.
- Farid Farj Saed Ziarah, *Manhaj Quran Fi Tahqiq al-Sihhatu Nafsiyyah Lil Insan*, Gaza: Jabatan Tafsir dan Ulum Quran, Universiti Islam Gaza, 2009.
- Fariza Md. Sham, *Dakwah Kepada Remaja yang Mengalami Tekanan Emosi: Kajian di Kajang Selangor Darul Ehsan*, Kuala Lumpur: Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006.
- Fariza Md.Sham, *Tekanan Emosi Remaja Islam*, Jurnal Islamiyyat, vol.27(1), Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005.

- Fathiyah Mohd Fakhruddin, *Pembangunan Akhlak Remaja Menurut Al-Quran: Kajian Tentang Pendekatannya Terhadap Pelajar Tingkatan Empat Di Sekolah-sekolah Menengah Di Ampang, Selangor Darul Ehsan*, Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Bersama, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2003.
- Mohamad Zaki bin Hamid, *Sektor Pendidikan Islam Jabatan Pelajaran Selangor: Kajian Tentang Perlaksanaan Program Dakwah dan Keberkesanannya, Program Pengajian Islam*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Universiti Malaya, 2009.
- Mohd Yusuf Ahmad, *Usaha-usaha Jabatan Pendidikan Islam dan Moral Kementerian Pendidikan Malaysia dalam pendidikan Al-Quran*, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2005.
- Noor Hafizah binti Mohd Haridi dan Dr.Fakrul Adabi bin Abd. Kadir, *Program Agama Di Institusi Pemulihan Akhlak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM): Analisis Permasalahan*, Kuala Lumpur: Proceeding of the 3rd Global Summit on Education GSE, 2015.
- Noor Hafizah binti Mohd Haridi, *Program Agama di Pusat Pemulihan Akhlak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM): Kajian Dari Aspek Perlaksanaan dan Keberkesanan*, Kuala Lumpur: Jabatan Dakwah dan pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2016.
- Noor Hafizah binti Mohd Haridi, *Program Agama di Pusat Pemulihan Akhlak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM): Kajian Dari Aspek Perlaksanaan dan Keberkesanan*, Kuala Lumpur: Jabatan Dakwah dan pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2016.
- Nor Azira Yusoff, *Hubungkait Antara Pengabaian Solat Dengan Buruk Laku Individu: Kajian Di Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi*, Kuala Lumpur, Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universtiti Malaya, Kuala Lumpur, 2008.
- Norshiela binti Md. Said, *Peranan NGO Islam Terhadap Perlaksanaan Islah Dan Dakwah Dalam Kalangan Masyarakat*, (Johor: Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, 2009).
- Nurul Husna Mansor, *Modul Keagamaan untuk Remaja Hamil Luar Nikah di Pusat Perlindungan Wanita di Selangor: Kajian Perlaksanaan dan Masalah*, Kuala Lumpur: Jabatan Dakwah dan pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2016.
- Prof. Dato’ Dr. Zulkifli Haji Mohd Yusuf, Nur ‘Atiyah binti Suratem, *Senario Semasa Dan Strategi Pengembangan Pengajian Ilmu Al-Quran*, Kertas Persidangan Seminar Memperkasakan Pengajian Ilmu Al-Quran, 2013.
- Sharifah Norshah Bani binti Syed Bidin, *Impak Uslub Tabsyir dan Indhar Dalam Membentuk Personaliti: Kajian Di Sekolah Henry Gurney, Teluk Mas, Melaka dan Batu Gajah Perak*, Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Universiti Malaya, 2009.
- Siti Balqis binti Mohd Azam, *Pelaksanaan Program Pemulihan Sosial Untuk Remaja Hamil Luar Nikah: Kajian Kes Di Taman Seri Puteri, Cheras*,

Kuala Lumpur, Kuala Lumpur: Jabatan Pentadbiran Dan Keadilan Sosial, Fakulti Sastera Dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 2015.

Supani bin Husain, *Elemen Motivasi Dakwah Dalam Kursus Kecemerlangan Diri Pelajar Di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perak, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Universiti Malaya, 2003.

Laman Sesawang

Hedar Nashir, “Kepempipinan Dalam Muhammadiyah: Tantangan dan Agenda”, laman sesawang Suara Muhammadiyah 16-18 Februari 2011, <http://www.suaramuhammadiyah.id/>.

Shuhada Mansor, “Statistik Moral Remaja Kita”, laman sesawang My Metro, <http://www.hmetro.com.my/node/36116>.